

P.U. (A) 95.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (No. 3) 2020**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 154/2020 yang disiarkan pada 28 Februari 2020, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Datuk Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 3) 2020**.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Kenderaan</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
Jalan Raja dari persimpangannya dengan Jalan Tun Perak dan Jalan Parlimen hingga persimpangannya dengan Lebuh Pasar Besar sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>(i) Kenderaan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Tun Perak ke Lebuh Pasar Besar dan Jalan Sultan Hishamudin h e n d a k l a h menggunakan jalan alternatif s e b a g a i m a n a yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Lebuh Pasar Besar dan Jalan Sultan Hishamudin ke Jalan Tun Perak hendaklah menggunakan jalan alternatif s e b a g a i m a n a yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>Semua kenderaan kecuali—</p> <p>(a) bas</p> <p>(b) teksi, termasuk teksi lapangan terbang dan teksi mewah tetapi tidak termasuk k e n d e r a a n e-hailing</p> <p>(c) kenderaan Polis Diraja Malaysia</p> <p>(d) kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat</p> <p>(e) ambulans</p> <p>(f) kenderaan penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</p>	1 April 2020 hingga 31 Mei 2020